



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN MEMANAH (LELAKI/WANITA)

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **UNDANG-UNDANG WORLD ARCHERY (WA)**.
- 1.2. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
 - 1.2.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan PERATURAN AM KEJOHANAN SUKAN SELANGOR 2019.
- 1.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Memanah Kejohanan Sukan Selangor 2019 adalah muktamad.

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. **22hb Julai hingga 25hb Julai 2019**

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. **STADIUM BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG**

4. PENYERTAAN

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki (Recurve) dan (Compound) serta satu (1) pasukan wanita (Recurve) dan (Compound) seperti berikut :-

Perkara	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	
Jurulatih	1	1
Atlet (recurve)	4	4
Atlet (compound)	4	4
JUMLAH	10	9

- 4.3. Bagi pasukan yang tidak berkemampuan untuk menghantar pasukan (kurang daripada 3 pemanah) boleh menyertai pertandingan ini dengan mengambil bahagian bagi acara individu.
- 4.4. Kelayakan umur peserta adalah 20 tahun dan ke bawah iaitu lahir pada tahun 1999 dan selepasnya.

5. TAKLIMAT PENGURUSAN PASUKAN

- 5.1. Taklimat Pengurus Pasukan sebelum pertandingan dijalankan.

Tarikh : **22HB JULAI 2019**
 Masa : **10.00 PAGI**
 Venue : **STADIUM BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG**

- 5.2. Selepas taklimat pengurus, sebarang permohonan / gantian pemanah tidak dibenarkan.

6. ACARA-ACARA

- 6.1. Acara-acara yang dipertandingkan ialah seperti berikut :-

BIL	KATEGORI RECURVE
1.	Acara jarak 70 m (L)
2.	Acara jarak 70 m (W)
3.	Acara jarak 70 m (Mixed)
4.	Pusingan Olimpik (Individu) (L)
5.	Pusingan Olimpik (Individu) (W)
6.	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (L)
7.	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (W)

BIL	KATEGORI COMPOUND
1.	Acara jarak 50 m (L)
2.	Acara jarak 50 m (W)
3.	Acara jarak 50 m (Mixed)
4.	Pusingan Olimpik (Individu) (L)
5.	Pusingan Olimpik (Individu) (W)
6.	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (L)
7.	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (W)

7. MASA MELAPOR DIRI

- 7.1. Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) Kejohanan untuk pemeriksaan peralatan (Technical Inspection) pada hari latihan rasmi

8. BANTAHAN

- 8.1. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai**.
- 8.2. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.
- 8.3. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi diumumkan.

9. PENGADIL (HAKIM DAN PEGAWAI PERTANDINGAN)

- 9.1. Hakim-hakim dan Pegawai Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola dengan kerjasama Persatuan Memanah Negeri Selangor (SELAR)

10. HADIAH-HADIAH

BIL	ACARA : RECURVE	EMAS	PERAK	GANGSA
1	70 M (L)	1	1	1
2	70 M (W)	1	1	1
3	Mixed 70	1 (2)	1 (2)	1 (2)
4	Pusingan Olimpik (Individu) (L)	1	1	1
5	Pusingan Olimpik (Individu) (W)	1	1	1
6	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (L)	1 (4)	1 (4)	1 (4)
7	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (W)	1 (4)	1 (4)	1 (4)

BIL	ACARA : COMPOUND	EMAS	PERAK	GANGSA
1	50 M (L)	1	1	1
2	50 M (W)	1	1	1
3	Mixed 50	1 (2)	1 (2)	1 (2)
4	Pusingan Olimpik (Individu) (L)	1	1	1
5	Pusingan Olimpik (Individu) (W)	1	1	1
6	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (L)	1 (4)	1 (4)	1 (4)
7	Pusingan Olimpik (Berpasukan) (W)	1 (4)	1 (4)	1 (4)

JUMLAH		14 (28)	14 (28)	14 (28)
---------------	--	----------------	----------------	----------------

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)